



JABATAN PERANCANG BANDAR  
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

---

**GARIS PANDUAN PENGIRAAN ISF DAN  
CAGARAN DEPOSIT RUNTUHAN**

---



## 1.0 TUJUAN

Garis panduan disediakan untuk memberi panduan Kaedah pengiraan amaun Caj Pembangunan, Sumbangan kepada Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan (ISF) dan Cagaran/Deposit Runtuhan ke atas sesuatu permohonan perancangan.

## 2.0 SKOP

Merangkumi peruntukan undang-undang yang digunapakai dan kaedah pengiraan Caj Pembangunan, ISF dan Cagaran/Deposit Runtuhan.

## 3.0 DEFINASI

### 3.1 Caj Pembangunan

Caj Pembangunan adalah merupakan sejumlah amaun yang dikenakan pada pembangunan yang melibatkan kenaikan nilai tanah. Caj pembangunan juga dikenakan bagi lebihan luas lantai dan lebihan unit kediaman serta kekurangan ruang letak kereta mengikut kadar yang ditetapkan.

Menurut Seksyen 40 (1) Akta 267, Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982, menjelaskan bahawa Caj Pembangunan dengan kadar yang ditetapkan adalah dikenakan apabila sesuatu Pelan Tempatan melibatkan pertukaran kegunaan, kepadatan, nisbah plot atau luas lantai berkenaan dengan mana-mana tanah dan kerana itu menaikkan nilai tanah itu, sesuatu Caj Pembangunan mengikut kadar yang ditetapkan hendaklah dilevi berkenaan dengan apa-apa pembangunan tanah yang dimulakan, diusahakan atau dijalankan mengikut pertukaran itu.

Seksyen 40 (2) (b), Akta 267, Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 menyatakan bahawa suatu syarat tambahan bahawa Datuk Bandar boleh menerima pembayaran sesuatu Caj Pembangunan mengikut kadar yang ditetapkan menggantikan peruntukan bagi ruang letak kereta yang tidak disediakan.

Manakala **Seksyen 41 (3)** memperuntukkan kuasa kepada Datuk Bandar untuk bila-bila masa mengubah sesuatu perintah memberi kebenaran perancangan bagi apa-apa pembangunan jika ia berpuas hati bahawa selepas perintah itu dikeluarkan kepadatan, luas lantai atau nisbah plot yang dibenarkan adalah berbeza daripada kepadatan, luas lantai atau nisbah plot yang menjadi asas Caj Pembangunan yang baru dengan sewajarnya dan membuat sesuatu perintah pembangunan bagi maksud itu.

### 3.2 Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan (ISF)

Sumbangan kepada Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan (*'Improvement Service Fund'*) untuk jalan dan perparitan diperkenalkan oleh DBKL pada 27.8.1980 (rujukan DBKL.JP&KB. 4914/80). Sumbangan ISF ini adalah selaras dengan peruntukan undang-undang di bawah Seksyen 132 (1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974 (Akta 133) yang mengkehendaki pihak berkuasa tempatan menubuhkan tabung ISF tersebut. Tujuannya diadakan adalah bagi menampung kos pembinaan serta pembaikan kemudahan infrastruktur seperti jalan, pembentungan dan perparitan.

### 3.3 Cagaran / Deposit Runtuhan

Di bawah Seksyen 64 (2) (i) Akta 267, Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 terdapat peruntukan kuasa kepada Datuk Bandar untuk menetapkan apa-apa fee yang mungkin perlu dibayar di bawah Akta ini. Cagaran/Deposit Runtuhan diwujudkan adalah sebagai sumber keewangan bagi menampung kerja-kerja penyelenggaraan tapak, membaik pulih jalan, parit dan pagar keselamatan. Cagaran ini digunakan sekiranya DBKL terpaksa mengambil tindakan apabila berlaku kacau gangu di atas tapak pembinaan.

## 4.0 JENIS-JENIS PEMBANGUNAN YANG DIKENAKAN CAJ PEMBANGUNAN, ISF DAN CAGARAN

### 4.1 Caj Pembangunan

- a. Kenaikan nilai tanah :
  - i. penukaran zon gunatanah
  - ii. penambahan kepadatan kediaman
- b. Lebihan luas lantai
- c. Lebihan unit kediaman
- d. Kekurangan ruang letak kereta

**Jadual 1 : Kadar Bayaran**

<b>BIL</b>	<b>JENIS PEMBANGUNAN</b>	<b>KADAR BAYARAN</b>
1.	Penukaran Zon Gunatanah	30% ke atas kenaikan nilai tanah yang ditentukan oleh Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, DBKL
2.	Penambahan Kepadatan Kediaman	30% ke atas kenaikan nilai tanah yang ditentukan oleh Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, DBKL
3.	Lebih Luas Lantai (melebihi nisbah plot dibenarkan 3+30% / 4+30% / 5+30%)	RM6 / kp (didalam pelan PPL 1039) RM4 / kp (diluar pelan PPL 1039) <b>(J/kPB bertarikh 25.11.1986)</b>
4.	Lebih Unit Kediaman	RM6,000 / unit (didalam pelan PPL 1039) RM4,000 / unit (diluar pelan PPL 1039) <b>(J/kPB bertarikh 25.11.1986)</b>
5.	Kekurangan Ruang Letak Kereta	RM15,000 / setiap rtk
6.	Petak Letak Kereta yang digunakan untuk kegiatan mencuci / mengilatkan kereta di dalam bangunan	RM5,000 / setiap rtk <b>(J/kPB 2 bil. 15/97 bertarikh 29.4.1997)</b>

**NOTA :**

- PPL - Pelan Pembangunan Lengkap  
 J/kPB - Jawatankuasa Perancang Bandar  
 TLK. - Tempat letak kereta

**4.2 ISF (Jalan/Perparitan)**

**4.2.1 ISF (Jalan)**

- a. Perumahan
- b. Perdagangan
- c. Perusahaan
- d. Institusi
- e. Pelajaran

**4.2.2 ISF (Perparitan)**

Saiz minima keluasan tapak untuk sumbangan ISF (Perparitan) bagi pembangunan a hingga e ialah 1 ekar dan lebih.

#### **4.3 Cagaran/Deposit Runtuhan**

4.3.1 Amaun maksimum dihadkan kepada RM20,000.00 sahaja. Keseluruhan cagaran yang dikenakan hendaklah dijelaskan sebelum pelan pembangunan diluluskan.

**(J/kPB bil. 37/89 bertarikh 16.11.1989, rujukan fail2143/76/1)**

4.3.2 Cagaran/deposit dikenakan ke atas pembangunan seperti berikut

- a. Kompleks perdagangan/kompleks industri
- b. Rumah kedai/kilang teres
- c. Rumah teres/link dalam skim perumahan
- d. Kediaman pangsapuri/kondominium
- e. Stesen minyak
- f. Logi membancuh konkrit ('batching plant')
- g. Tempat letak kereta sementara

#### **5.0 PENGECULIAN MENGIKUT JENIS PEMBANGUNAN**

##### **5.1 Caj Pembangunan**

5.1.1 Semua cadangan pembangunan di dalam kawasan Taman Teknologi Malaysia adalah dikecualikan daripada semua bayaran caj pembangunan. Keputusan ini dibuat memandangkan pemilik tanah di TTM iaitu Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dan lot-lot kecil berkenaan telah dikeluarkan untuk maksud Taman Teknologi.

**Sumber Rujukan: J/kPB bil. 22/96 bertarikh 6.6.1996**

5.1.2 Semua premis-premis kedutaan asing tertakluk kepada disahkan melalui Wisma Putra ("reciprocal agreement").

5.1.3 Berdasarkan peruntukan undang-undang yang berkenaan Datuk Bandar mempunyai kuasa untuk mengecualikan mana-mana pembangunan dari membayar semua atau mana-mana bahagian daripada caj pembangunan walaupun selepas Borang B telah dikeluarkan.

**Sumber Rujukan: J/kPB 1 bil. 34/95 PT. 1 bertarikh 12.10.1995**

**Jadual 2 : Jenis-jenis Pembangunan dan Peratusan Pengecualian**

BIL	JENIS PEMBANGUNAN	PERATUSAN PENGECUALIAN
1	Pelajaran, Institusi dan projek-projek lain untuk tujuan awam yang diusahakan oleh kerajaan	Pengecualian 100% dari keseluruhan Caj Pembangunan yang dikenakan
2	Tempat-tempat beribadat	Pengecualian 100% dari keseluruhan Caj Pembangunan yang dikenakan
3	Persatuan-persatuan kebajikan, Pertubuhan-pertubuhan Sukan	Pengecualian 90% dari keseluruhan Caj Pembangunan yang dikenakan
4	Pembangunan swasta oleh Bumiputera dimiliki sepenuhnya atau dengan pemilikan ekuiti 51%	Pengecualian 30% dari keseluruhan Caj Pembangunan yang dikenakan
5	Pembangunan oleh Agensi Kerajaan seperti Pemas, Petronas, PNB, UDA, SPPK, LUTH dan lain-lain agensi	Pengecualian 30% dari keseluruhan Caj Pembangunan yang dikenakan
6	Kawasan Simpanan Melayu dengan kepadatan penduduk kurang dari 500 o.s.e	Pengecualian 100% dari keseluruhan Caj Pembangunan yang dikenakan
7	Pembangunan usahasama di antara pemaju-pemaju bukan Bumiputera di mana ekuiti Bumiputera ialah 50% atau kurang daripadanya	Peratusan pengecualian /bonus hendaklah seimbang dengan 30% mengikut peratusan ekuiti Bumiputera.  <b>Contoh :</b> pembangunan usahasama dengan 30% ekuiti Bumiputera layak adalah 9% (30% x 30%)

**Sumber rujukan : J/kPB bertarikh 8.9.1982**

## 5.2 ISF

### 5.2.3 ISF (Jalan)

- i. Kediaman kos rendah (harga RM25,000.00 dan kurang) **J/kPB bil 7/89 bertarikh 16.2.1989 (rujukan : 4186/77)** Kerajaan Persekutuan telah membuat keputusan harga jualan unit kediaman kos rendah di kawasan bandar dinaikkan dari RM25,000.00 kepada RM42,000.00.
- ii. Bangunan yang diguna bagi tujuan ibadat dan keagamaan. **J/kPB bil 7/89 bertarikh 16.2.1989 (rujukan : 2214/95/5A)**
- ii. Pembangunan yang melibatkan tambahan dan perubahan kepada bangunan sediaada. **J/kPB bil 31 perkara 2(a) bertarikh 9.7.1975 (rujukan : 1114/75)**
- iii. Pembangunan sekolah kerajaan dan sekolah bantuan penuh kerajaan. **J/kPB bertarikh 26.8.1999**

## 6.0 Kaedah Pengiraan

### 6.1 Caj Pembangunan

#### 6.1.1 Kenaikan Nilai Tanah (Penukaran Zon Gunatanah dan Penambahan Kepadatan Penduduk)

Jumlah caj yang ditetapkan oleh Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, DBKL.

Caj yang dikenakan ialah 30 % ke atas kenaikan nilai tanah.

#### 6.1.2 Pembangunan Campuran Perdagangan/Perdagangan Terhadap

Pembangunan campuran perdagangan/perdagangan terhadap dan hotel adalah dianggap pembangunan perdagangan. Bagi menentukan samada sesuatu pembangunan itu tertakluk kepada caj lebihan luas lantai atau tidak, maka hendaklah dapatkan nisbah plot keseluruhan pembangunan iaitu dengan membahagikan jumlah luas lantai keseluruhan dengan luas tapak. Jika nisbah plot keseluruhan melebihi nisbah plot yang dibenarkan tanpa caj (iaitu sama ada 3.9, 5.2 atau 6.5), maka pengiraan terperinci perlu dijalankan bagi menentukan sama ada pembangunan itu melibatkan lebihan luas lantai dan seterusnya menentukan amaun caj pembangunan.

Pengiraan dibuat dengan menentukan peratusan ruang lantai perdagangan dan hotel berbanding dengan ruang lantai keseluruhan bagi mendapatkan jumlah luas lantai dibenarkan tanpa caj.

**Contoh**

- a. Luas tapak : 50,000 kaki persegi
- b. Zon gunatanah : Perdagangan
- c. Nisbah plot dibenarkan tanpa caj  
 Perdagangan : 5.2  
 Hotel : 6.5
- d. kadar caj : RM4.00 sekaki persegi
- e. Pecahan kegunaan lantai :

KEGUNAAN	LUAS LANTAI (KP)		PERATUSAN	
Beli-belah	100,000	350,000	18.18	63.63
Pejabat	250,000		45.45	
Hotel	200,000		36.37	
<b>JUMLAH</b>	<b>550,000</b>		<b>100</b>	

**Kaedah Pengiraan**

- a. Nisbah plot keseluruhan =  $\frac{550,000}{50,000}$   
 = 11.0
- b. Luas lantai dibenarkan bagi pembangunan perdagangan  
 $5.2 \times 50,000 \times 63.63\%$  = 165,438 kp
- c. Luas lantai yang dibenarkan bagi pembangunan hotel  
 $6.5 \times 50,000 \times 36.37\%$  = 118,202.50 kp
- d. Oleh itu jumlah luas lantai yang dibenarkan bagi pembangunan ini adalah = 283,640.50 kp

- e. Lebih luas lantai :
- |  |   |                                    |
|--|---|------------------------------------|
| Jumlah keseluruhan Ruang lantai            | - | Jumlah luas lantai yang dibenarkan |
| 550,000 kp - 283,640.50 kp = 266,359.50 kp |   |                                    |
- f. Caj pembangunan bagi lebih luas lantai :
- |                  |   |                       |
|------------------|---|-----------------------|
| 266,360 x RM4.00 | = | <b>RM1,065,440.00</b> |
|------------------|---|-----------------------|

### 6.1.3 Pembangunan Campuran Perdagangan dan Kediaman

Pembangunan campuran perdagangan dan kediaman yang mengandungi ruang perdagangan melebihi 15% daripada jumlah keseluruhan ruang lantai hendaklah dianggap sebagai pembangunan perdagangan (berdasarkan keputusan J/kPB bertarikh 24.9.1998 dalam JP&KB 101/2). Oleh yang demikian, bagi menentukan sama ada sesuatu pembangunan itu tertakluk kepada caj pembangunan lebih luas lantai atau sebaliknya, maka dapatkan nisbah plot pembangunan keseluruhan iaitu dengan membahagikan jumlah luas lantai keseluruhan dengan luas tapak.

Jika nisbah plot pembangunan keseluruhan melebihi nisbah plot dibenarkan tanpa caj, maka lebih luas lantai tersebut adalah tertakluk kepada bayaran caj pembangunan lebih luas lantai.

Sebaliknya jika nisbah plot keseluruhan kurang daripada nisbah plot yang dibenarkan, maka pembangunan tersebut tidak akan dikenakan caj lebih ruang lantai.

Pengiraan lebih luas lantai adalah dibuat dengan menentukan lebih luas lantai ruang perdagangan terlebih dahulu dan diikuti dengan ruang lantai kediaman.

- a. Sekiranya nisbah plot bagi ruang lantai perdagangan telah pun melebihi nisbah plot yang dibenarkan tanpa caj, maka sebahagian ruang lantai perdagangan yang berlebihan serta keseluruhan ruang kediaman tertakluk kepada caj pembangunan lebih ruang lantai perdagangan dan bilangan unit kediaman.
- b. Sekiranya nisbah plot bagi ruang perdagangan kurang daripada nisbah plot yang dibenarkan, maka lebih luas lantai berkenaan adalah dianggap sebagai melibatkan sebahagian ruang kediaman. Caj pembangunan lebih luas lantai akan dikenakan ke atas sebahagian ruang kediaman yang berlebihan berdasarkan jumlah lebih purata unit kediaman.

**Contoh**

- a. Luas lantai : 50,000 kaki persegi  
b. Pecahan luas lantai :

<b>KEGUNAAN</b>	<b>LUAS LANTAI (KP)</b>
Beli belah	50,000
Pejabat	150,000
Kediaman	202,000
<b>JUMLAH</b>	<b>402,000</b>

- c. Pecahan unit kediaman :

<b>JENIS</b>	<b>BIL. UNIT</b>	<b>LUAS LANTAI/UNIT</b>	<b>JUMLAH LUAS LANTAI</b>
A	30	800	24,000
B	60	900	54,000
C	100	1000	100,000
D	20	1200	24,000
<b>JUMLAH</b>	<b>210</b>		<b>202,000</b>

- d. Zon gunatanah : Perdagangan  
e. Nisbah plot yang dibenarkan : 5.2  
tanpa caj  
f. Kadar caj
- RM4.00 sekaki persegi bagi ruang perdagangan
  - RM4,000.00 seunit bagi ruang kediaman

### Kaedah Pengiraan

- a. Kirakan nisbah plot keseluruhan dan nisbah plot bagi ruang perdagangan sahaja.

Nisbah plot keseluruhan :

$$\frac{402,000}{50,000} = 8.04$$

Nisbah plot bagi ruang perdagangan sahaja :

$$\frac{200,000}{50,000} = 4$$

#### NOTA :

Nisbah plot bagi ruang lantai perdagangan di atas adalah kurang daripada nisbah plot dibenarkan tanpa caj. Ini bermakna lebih luas lantai melibatkan sebahagian ruang lantai kediaman.

- b. Jumlah lebih luas lantai

Jumlah luas lantai keseluruhan : 402,000 kp

Luas lantai dibenarkan tanpa caj :  $5.2 \times 50,000$   
= 260,000 kp

Lebih luas lantai :  $402,000 - 260,000$   
= 142,000 kp

- c. Dapatkan purata luas lantai untuk setiap kediaman

Luas lantai kediaman : 202,000 kp

Bilangan unit : 210 unit

Purata luas lantai seunit kediaman :  $\frac{202,000}{210}$   
= 962 kp

- d. Dapatkan bilangan lebih unit kediaman

Lebih luas lantai

Luas lantai purata unit kediaman

$$\frac{142,000}{962} = 147.60$$

$$= \mathbf{148 \text{ unit}}$$

- e. Caj pembangunan

$$148 \times \text{RM}4,000.00 = \mathbf{\text{RM}595,000.00}$$

#### 6.1.4 Kekurangan Ruang Letak Kereta

##### **Contoh**

- Jumlah ruang letak kereta yang tidak disediakan = 5
- Caj pembangunan = RM15,000.000 x 5  
= RM75,000.00

#### 6.1.5 Petak Letak Kereta Yang Diguna Untuk Kegiatan Mencuci dan Mengilat Kereta

##### **Contoh**

- Jumlah ruang letak kereta yang digunakan = 6
- Caj pembangunan = RM5,000.00 x 6  
= RM30,000.00

## 6.2 ISF (Jalan)

### 6.2.1 Pembangunan Kediaman

#### i. Unit Kediaman Mewah

(harga melebihi RM 100,000.00)

Kadar sumbangan : RM500.00 seunit

- **Kaedah pengiraan**

Katakan :

Jumlah bilangan unit kediaman = 200 unit

ISF (Jalan) = RM500.00 x 200 unit  
= RM100,000.00

#### ii. Unit Kediaman Kos Sederhana

(harga kurang RM100,000.00)

Kadar sumbangan : RM250.00 seunit

- **Kaedah pengiraan**

Katakan :

Jumlah bilangan unit kediaman = 300 unit

ISF (Jalan) = RM250.00 x 300 unit  
= RM75,000.00

## 6.2.2 Pembangunan Perdagangan

### i. Bangunan Rumah Kedai

- a. 2 tingkat pertama bagi bangunan rumah kedai  
Kadar sumbangan : RM500.00 seunit

- Kaedah pengiraan

Katakan :

Jumlah bilangan unit kediaman = 8 unit

ISF (Jalan) = RM500.00 x 8 unit  
= RM4,000.00

- b. Tingkat-tingkat berikutnya pada bangunan kedai (tingkat dua dan ke atas)

#### **Jika kegunaan perdagangan**

Kadar sumbangan : RM500.00 seunit

- Kaedah pengiraan

Katakan :

Jumlah bilangan unit perdagangan Di tingkat 2,3 dan 4 = 24 unit (8 unit setiap tingkat)

ISF (Jalan) = RM500.00 x 24 unit  
= RM12,000.00

- **Jika kegunaan kediaman (harga jualan melebihi RM100,000.00)**

Kadar sumbangan : RM500.00 seunit

- Kaedah pengiraan

Katakan :

Jumlah bilangan unit kediaman (harga melebihi RM100,000.00 di tingkat 2,3 dan 4) = 21 unit (7 unit setiap tingkat)

ISF (Jalan) = RM500.00 x 21 unit  
= RM10,500.00

- **Jika kegunaan kediaman (harga jualan melebihi RM100,000.00)**

Kadar Sumbangan : RM250.00 seunit

- **Kaedah pengiraan**

Katakan :

Jumlah bilangan unit kediaman (harga kurang RM 100,000.00 di tingkat 2,3 dan 4) = 21 unit (7 unit setiap tingkat)

ISF (Jalan) = RM250.00 x 21 unit  
= RM5,250.00

ii. **Bangunan Perdagangan/Pejabat**

Kadar sumbangan : RM500.00 setiap 1,000 kp luas Lantai kasar bangunan termasuk luas lantai ruang letak kereta dalam bangunan

- **Kaedah pengiraan**

Katakan :

Luas lantai kasar bangunan perdagangan = 100,202 kp

Luas lantai kasar ruang Letak kereta di paras basemen 1 = 10,251 kp

Luas lantai kasar bangunan = 110,453 kp

**Nota** : Jumlah luas lantai kasar ini hendaklah digenapkan kepada 1,000 kp yang hampir

Jumlah luas lantai kasar bangunan = 111,000 kp

ISF (Jalan) =  $\frac{111,000 \text{ kp} \times \text{RM } 500.00}{1,000 \text{ kp}}$

= **RM55,500.00**

### 6.2.3 Pembangunan Perusahaan

#### i. **Kilang Jenis Teres dan Bertingkat**

Kadar sumbangan : RM500.00 setiap 1,000 kp luas lantai kasar bangunan termasuk luas lantai ruang letak kereta dalam bangunan

- **Kaedah pengiraan**

Katakan :

Jum. Luas lantai kasar bangunan perusahaan = 50,201 kp

**Nota** : Jumlah luas lantai ini hendaklah digenapkan kepada 1,000 kp yang hampir

Jumlah luas lantai kasar sebenar bangunan = 51,000 kp

ISF (Jalan) =  $\frac{51,000 \text{ kp} \times \text{RM}500.00}{1,000 \text{ kp}}$

= **RM25,500.00**

### 6.2.4 Pembangunan Institusi dan Pelajaran

**Kegunaan institusi** : Asmara, kelab belia, mahkamah, hospital, rumah kebajikan, bangunan kerajaan/separa kerajaan, arkib, suruhanjaya tinggi dan seumpamanya

**Kegunaan pelajaran** : Institusi pengajian tinggi awam, institut vokasional/teknik awam, sekolah rendah dan sekolah menengah.

Kadar sumbangan : RM250.00 setiap 1,000 kp  
Luas lantai kasar bangunan termasuk luas lantai Ruang Letak Kereta dalam bangunan

- **Kaedah pengiraan**

Katakan :

Jum. Luas lantai kasar bangunan = 40,428 kp

**Nota** : Jumlah luas lantai ini hendaklah digenapkan kepada 1,000 kp yang hampir

$$\begin{aligned}
 \text{Jumlah luas lantai kasar} &= 41,000 \text{ kp} \\
 \text{sebenarnya bangunan} & \\
 \text{ISF (Jalan)} &= \frac{41,000 \text{ kp} \times \text{RM}250.00}{1,000 \text{ kp}} \\
 &= \underline{\underline{\text{RM}10,250.00}}
 \end{aligned}$$

### 6.3 ISF (Perparitan)

Kadar sumbangan : RM5,000.00 per ekar

#### Contoh

Luas tapak : 2.5468 ekar

#### Kaedah Pengiraan

Luas tapak dikenakan kepada tiga titik perpuluhan

$$\begin{aligned}
 \text{Luas tapak sebenar} &: 2.547 \text{ ekar} \\
 \text{ISF (Perparitan)} &= \text{RM}5,000.00 \times 2.547 \\
 &= \text{RM}12,735.00
 \end{aligned}$$

### 6.4 Cagaran/Deposit Runtuhan

Kadar cagaran/deposit sesuatu pembangunan seperti berikut :-

Jadual 3 : Kadaran Cagaran/Deposit

JENIS PEMBANGUNAN	KADAR CAGARAN
Kompleks perdagangan / kompleks industri	RM0.10/-setiap kaki persegi
Rumah kedai / teres	RM2,000/-setiap unit
Rumah teres / link dalam skim perumahan	RM250/- setiap unit (bayaran minima RM2,000/-)
Kediaman pangsapuri / kondominium	RM100/- setiap unit (bayaran minima RM2,000/-)
Stesen pam minyak	RM2,000/-setiap unit
Loji membancuh konkrit	RM5,000/-setiap unit
Tempat letak kereta sementara	RM2,000/-setiap permohonan

**Sumber rujukan :** J/kPB bertarikh 10.9.1986 dan 23.9.1986

**NOTA :** Kadar bayaran minimum yang dikenakan ialah RM2,000.00 dan maksimum RM20,000.00 bagi kesemua jenis pembangunan.